



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menyertai sebut harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN	HARGA
UiTM/KP/SH/3/03/2022	CADANGAN TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN KEDAI MINUMAN DI ANJUNG SELERA PERPATIH, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN	1)BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) 2)KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA SYARIKAT BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF): -Kod Bidang: 040103/040102 -Syarikat Bumiputera	RM30.00 (Tunai Sahaja)

1. **Dokumen Sebut Harga**

Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada 10/02/2022 di Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada waktu pejabat 8.15 pagi –4.45 petang.

2. Lawatan Tapak/Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada 17/02/2022 JAM 10.00 PAGI DI BILIK MESYUARAT UTAMA BLOK PENTADBIRAN, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH

3. Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya Penama di dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan. Syarikat yang TIBA LEWAT daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :

- 3.1 Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak;
- 3.2 Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini;
- 3.3 Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini.

4. Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat Dan Lawatan Tapak** di Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada waktu pejabat dengan menggunakan Kad Debit/Kad Kredit/ Deraf Bank atas nama BENDAHARI UiTM

5. Penyebut Harga dikehendaki membawa bersama-sama **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas, **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, dan menyerahkan **satu (1) SALINAN (fotostat)** kepada Pejabat Bendahari semasa membeli dokumen Sebut Harga.

6. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di PEJABAT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH, PEKAN PARIT TINGGI, 72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.

7. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **23/02/2022 Jam 12.00 Tengahari**.

